Sanusi bin Alwi lwn Nordin bin Othman dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — RAYUAN SIVIL NO 12B-859 TAHUN 2011
TENGKU MAIMUN H
15 OKTOBER 2012

Ganti rugi — Liabiliti — Rayuan — Kemalangan antara motosikal dan teksi — Kemalangan berpunca daripada kecuaian pemandu teksi — Sama ada kes berjaya dibuktikan atas imbangan kebarangkalian — Sama ada pelanggaran berjaya dibuktikan — Pertikaian isu identiti serta nombor pendaftaran teksi

Di mahkamah sesyen, plaintif telah menuntut ganti rugi am dan khas terhadap defendan-defendan bagi kecederaan dan kerugian yang dialami akibat kemalangan jalan raya. Plaintif menghujahkan bahawa dia sedang menunggang motosikal bernombor WML 8709 di jalan utama dan telah dilanggar oleh teksi bernombor HWC 8175 yang dipandu oleh defendan pertama dan dimiliki oleh defendan kedua. Kemalangan dikatakan berlaku akibat kecuaian defendan pertama yang keluar daripada simpang tanpa berhenti terlebih dahulu dan telah melintasi hak laluan plaintif secara tiba-tiba. Di akhir perbicaraan, hakim mahkamah sesyen ('HMS') memutuskan bahawa plaintif telah gagal membuktikan kesnya terhadap defendan di atas imbangan kebarangkalian. Dalam rayuan ini, plaintif membangkitkan isu-isu bahawa HMS khilaf dari segi undang-undang dan fakta dengan menolak tuntutan plaintif dan memutuskan bahawa plaintif gagal membuktikan bahawa teksi defendan bernombor HWC 8175 terlibat dalam pelanggaran dengan motosikal plaintif bernombor WML 8709 pada masa material. Seterusnya HMS khilaf dari segi undang-undang dan fakta dengan memutuskan bahawa plaintif gagal membuktikan nombor pendaftaran teksi pihak defendan sedangkan isu identiti serta nombor pendaftaran teksi HWC 8175 yang berada di tempat kejadian pada masa yang material tidak dipertikaikan semasa perbicaraan dan gagal mengambil kira bahawa apa yang dipertikaikan adalah sama ada terdapat impak pelanggaran antara teksi defendan dengan motosikal plaintif.

Diputuskan, membenarkan rayuan:

(1) Dalam penyata tuntutannya, plaintif memplidkan bahawa pada setiap masa yang material defendan pertama adalah pemandu teksi bernombor HWC 8175. Di dalam penyata pembelaan, defendan-defendan mengakui plid tersebut dan oleh itu, tidak wujud pertikaian mengenai nombor pendaftaran teksi. Memandangkan jelas daripada pliding dan keterangan bahawa identiti atau nombor pendaftaran teksi tidak pernah

dipertikaikan oleh defendan, ia bukanlah suatu isu yang perlu dipertimbangkan atau diputuskan oleh HMS (lihat perenggan 10–11 & 14).

(2) Versi plaintif adalah lebih berkemungkinan iaitu telah berlaku kemalangan apabila teksi yang dipandu oleh SD1 gagal berhenti di simpang dan memasuki laluan plaintif. Pembelaan yang diplidkan oleh defendan-defendan bahawa plaintif telah dengan sendiri terjatuh daripada motosikal adalah tidak berasas kerana jika benar keterangan SD1 bahawa dia tidak melangggar plaintif dan hanya terlibat menghantar plaintif ke hospital, bagaimana SD1 tahu bahawa plaintif terjatuh daripada motosikal dengan sendirinya apabila SD1 tidak menyaksikan kemalangan itu (lihat perenggan 24).

(3) Kemalangan ini melibatkan jalan utama dan jalan simpang. Nas-nas menunjukkan bahawa kenderaan yang keluar daripada simpang atau *side road* adalah bertanggungan 100%. Defendan bertanggungan 100% terhadap plaintif (lihat perenggan 25–26).

[English summary

In the sessions court, the plaintiff claimed general and special damages against the defendants for the injuries sustained and losses suffered as a result of a road accident. The plaintiff submitted that he was riding a motorcycle with the registration No WML 8709 on the main road and was hit by a cab with the registration No HWC 8175 which driven by the first defendant and owned by the second defendant. The alleged accident occurred due to the negligence of the first defendant who crossed a junction without first stopping and had crossed over to the plaintiff's path. At the end of the trial, the sessions court judge ('SCJ') held that the plaintiff had failed to prove his case against the defendant on the balance of probabilities. In the present appeal, the plaintiff raised the issues that the SCJ erred in law and fact in rejecting the plaintiff's claim and in ruling that the plaintiff failed to prove that the defendants' taxi HWC 8175 was involved in the collisions with the plaintiff's motorcycle WML 8709 at the material time. Next, the SCJ erred in law and fact by concluding that the plaintiff failed to prove the defendants' taxi's registration number even though the issues of identity and registration number of the taxi HWC 8175 which was at the scene at the material time was not disputed during the trial and for failing to consider that the matter in dispute was whether there was an impact of the collision between the defendant's taxi with the plaintiff's motorcycle.

Held, allowing the appeal:

(1) In his statement of claim, the plaintiff pleaded that the first defendant was the driver of the taxi HWC 8175, at all material time. In his statement of defence, the defendants acknowledged the pleading and

therefore, no dispute arose in regard to the registration number of the taxi. Given the clarity of the pleadings and the evidence that the identity or registration number of the taxi was never disputed by the defendant, it was not an issue that should be considered or decided by the SCJ (see paras 10–11 & 14).

(2) The plaintiff's version that the accident occurred when the taxi driven by SD1 failed to stop at the junction and crossed over the plaintiff's path was more probable. The defence pleaded by the defendants that the plaintiff fell off the motorcycle by himself was without merit as if it was true that SD1 in his evidence that he did not hit the plaintiff and was only involved in the sending of the plaintiff to the hospital, how did SD1 know that the plaintiff fell off the motorcycle by himself when he did not witness the accident (see para 24).

(3) The accident involved the main road and the junction. Authorities indicate that a vehicle which crosses a road junction or a side road is 100% liable. The defendants were 100% liable towards the plaintiff (see paras 25–26).]

Kes-kes yang dirujuk

A Perianayagam & Anor v Yeo Suan Tin & Anor [1984] 1 MLJ 214 (dirujuk)
Kek Kee Leng v Teresa Bong Nguk Chin & Anor [1978] 1 MLJ 61, MP (dirujuk)
Lew Voon Kong & Anor v Mustaffa bin Kamis [1978] 1 MLJ 217, MP (dirujuk)
Sivalingam a/l Periasamy v Periasamy & Anor [1995] 3 MLJ 395, MR (dirujuk)

Justin Morais (Justin Morais & Co) bagi pihak plaintif/perayu.
(Jagjit Singh & Co) bagi pihak defendan/responden.

Tengku Maimun H:

[1] Plaintif memfailkan tindakan di mahkamah sesyen terhadap defendan-defendan menuntut ganti rugi am dan khas bagi kecederaan dan kerugian yang dialami akibat kemalangan jalan raya.

[2] Adalah kes plaintif bahawa pada masa material beliau yang menunggang motosikal No WML 8709 di jalan utama telah dilanggar oleh teksi No HWC 8175 yang dipandu oleh defendan pertama dan dimiliki oleh defendan kedua. Kemalangan dikatakan berlaku akibat kecuaian defendan pertama yang keluar daripada simpang tanpa berhenti terlebih dahulu dan telah melintasi dengan tiba-tiba hak laluan plaintif.

[3] Akibat kemalangan tersebut plaintif mengalami kecederaaan *fracture humerus; lower brachial plexus injury right hand and wasting of right shoulder and arm muscle*.

[4] Selepas bicara penuh, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana ('HMS') membuat dapatan yang berikut (lihat di ms 17–21 rekod rayuan):

> Tuntutan kes Plaintif adalah berdasarkan dakwaan bahawa kemalangan beliau adalah disebabkan kecuaian Defendan. Namun begitu di dalam kes ini samada defendan telah terlibat dalam pelanggaran ini langsung gagal dibuktikan oleh mana-mana saksi Plaintif.
>
> Dapatan Mahkamah:
>
> (1) Soalan-soalan pemeriksaan utama SP2/plaintif terus merujuk kepada nombor pendaftaran motorteksi defendan seolah-olah motorteksi defendan telah terbukti terlibat dengan kemalangan.
>
> (2) Soalan-soalan pemeriksaan utama SP2/plaintif yang merujuk kepada motorteksi defendan hanyalah berdasarkan andaian semata-mata.
>
> (3) Tetapi tiada satu pun soalan-soalan tersebut mendedahkan bagaimana plaintif mengetahui akan nombor pendaftaran motorteksi yang dikatakan melanggarnya itu.
>
> (4) Tiada satu pun keterangan plaintif mendedahkan bila dan masa beliau dapat melihat nombor pendaftaran motorteksi tersebut.
>
> (5) Keterangan bahawa bumper motorteksi baru (ditukar), kemek di atas bonet dan sebagainya tidak boleh diandaikan disebabkan oleh kemalangan ini tanpa lain-lain keterangan sokongan.
>
> (6) Pegawai penyiasat, SP1, sendiri tidak dapat mengesahkan penglibatan motorteksi defendan dalam kemalangan ini.
>
> …
>
> Oleh sebab itu saya memutuskan bahawa di atas imbangan kebarangkalian plaintif telah gagal membuktikan kesnya terhadap defendan.

Atas dasar liabiliti 100% HMS mengawardkan ganti rugi am bagi kecederaaan plaintif seperti berikut:

(a) *fracture humerus*	RM23,000
(b) *lower brachial plexus injury right hand*	RM40,000
(c) *wasting of right shoulder and arm muscle*	RM5,000

Untuk ganti rugi khas pula, HMS telah memberi award berikut:

(a) pembedahan masa hadapan (dipersetujui)	RM5,000
(b) kesakitan/penderitaan untuk pembedahan masa hadapan	RM5,000
(c) ganti rugi khas global	RM4,000
(d) kehilangan pendapatan	RM15,000

[5] Di hadapan saya adalah rayuan plaintif terhadap keputusan HMS mengenai liabiliti.

[6] Plaintif telah mengemukakan beberapa alasan di dalam memorandum rayuan tetapi bagi maksud penghakiman ini memadai bagi saya membincangkan hanya dua alasan yang dikemukakan iaitu:

(a) HMS khilaf dari segi undang-undang dan fakta dengan menolak tuntutan plaintif dan memutuskan bahawa plaintif gagal membuktikan bahawa teksi defendan No HWC 8175 terlibat dalam perlanggaran dengan motosikal plaintif No WML 8709 pada masa material; dan

(b) HMS khilaf dari segi undang-undang dan fakta dengan memutuskan bahawa plaintif gagal membuktikan nombor pendaftaran teksi pihak defendan padahal isu identiti serta nombor pendaftaran teksi HWC 8175 yang berada di tempat kejadian pada masa yang material tidak dipertikaikan semasa perbicaraan dan gagal mengambil kira bahawa apa yang dipertikaikan adalah sama ada terdapat impak perlanggaran di antara teksi defendan dengan motosikal plaintif.

[7] Saya akan membincangkan alasan kedua dahulu iaitu berkenaan identiti teksi defendan yang mana dikatakan oleh HMS gagal dibuktikan oleh plaintif.

[8] Inti pati dapatan HMS mengenai perkara ini adalah bahawa keterangan tidak menunjukkan bagaimana plaintif mengetahui akan nombor pendaftaran teksi tersebut.

SAMA ADA HMS KHILAF DALAM MEMUTUSKAN PLAINTIF GAGAL MEMBUKTIKAN NOMBOR PENDAFTARAN TEKSI

[9] Melalui perenggan 2 penyata tuntutan plaintif memplid bahawa pada setiap masa yang material defendan pertama adalah pemandu teksi No HWC 8175. Melalui perenggan 4 pula plaintif menyatakan:

> Pada jam lebih kurang 3.45, pada 9 haribulan Januari 2009 ('masa yang material') Plaintif secara sah di sisi undang-undang menunggang motosikal No. WML 8709 dari Jalan Masjid — Jalan Teratai menghala balik ke tempat kerja di Batu 6 ½ Jalan Puchong, Kuala Lumpur. Apabila sampai di Jalan Masjid PJU 6A, Petaling Jaya tiba-tiba sebuah teksi No. HWC 8175 yang dipandu secara cuai oleh defendan pertama sebagai dan/ejen defendan kedua telah keluar simpang sebelah kiri jalan tersebut tanpa berhenti terlebih dahulu dan terus melanggar motosikal pihak plaintif No. WML 8709 yang sedang berjalan terus di jalan tersebut menyebabkan plaintif terjatuh ke sebelah kanan dan mengalami kecederaan dan kerugian.

[10] Di dalam penyata pembelaan, defendan-defendan mengakui perenggan 2 dan menafikan perenggan 4 penyata tuntutan. Di dalam menafikan perenggan 4 penyata tuntutan, defendan mengatakan tidak berlaku sebarang

perlanggaran antara motosikal WML 8709 dan teksi HWC 8175 dan bahawa pada masa material plaintif telah terjatuh daripada motosikal dengan sendirinya.

[11] Oleh kerana defendan telah mengakui pengataan plaintif yang merujuk kepada teksi No HWC 8175 pada masa material maka tidak wujud pertikaian mengenai nombor pendaftaran teksi.

[12] Seterusnya, peguamcara bijaksana defendan-defendan juga tidak menyoal balas atau mencabar keterangan pegawai penyiasat ('SP1') bahawa beliau menyiasat kemalangan jalan raya pada 9 Januari 2009 jam lebih kurang 3.45 petang di antara motosikal WML 8709 dan teksi No HWC 8175.

[13] Di dalam kes *Sivalingam a/l Periasamy v Periasamy & Anor* [1995] 3 MLJ 395 Gopal Sri Ram dan Mahadev Shankar HHMR menyatakan:

> Further and more importantly, it was never put to the plaintiff under cross-examination that such a request had come from him. The trial judge ought to have taken this failure into account when he came to assess the evidence. In *Aik Ming (M) Sdn Bhd & Ors v Chang Ching Chuen & Ors and another appeal* [1995] 2 MLJ 770 at p 794, this court when applying the rule in *Browne v Dunn* (1893) 6 R 67 said:
>
> > It is essential that a party's case be expressly put to his opponent's material witnesses when they are under cross-examination. A failure in this respect may be treated as an abandonment of the pleaded case and if a party, in the absence of valid reasons, refrains from doing so, then he may be barred from raising it in argument. It is quite wrong to think that this rule is confined to the trial of criminal cases. It applies with equal force in the trial of civil cases as well.

Sarkar's Law of Evidence menyebut:

> Wherever the opponent has declined to avail himself of the opportunity to put his essential and material case in cross-examination, it must follow that be believed that the testimony given could not be disputed at all. It is wrong to think that this is merely a technical rule of evidence. It is a rule of essential justice.

[14] Memandangkan jelas daripada pliding dan keterangan bahawa identiti atau nombor pendaftaran teksi tidak pernah dipertikaikan oleh defendan, ia bukanlah suatu isu yang perlu dipertimbangkan atau diputuskan oleh HMS.

[15] Justeru, HMS telah tersalah arah dalam memutuskan bahawa tidak ada keterangan yang mendedahkan bila dan masa plaintif dapat melihat nombor pendaftaran teksi tersebut dan bahawa plaintif gagal membuktikan nombor pendaftaran teksi defendan-defendan.

[16] Dalam keadaan itu adalah perlu bagi saya menilai keterangan yang ada untuk melihat sama ada keputusan HMS yang menolak tuntutan plaintif adalah suatu keputusan yang betul.

SAMA ADA BERLAKU PERLANGGARAN DI ANTARA MOTOSIKAL WML 8709 DENGAN TEKSI HWC 8175

[17] Keterangan plaintif ialah bahawa beliau menunggang di jalan utama dan defendan pertama telah keluar daripada simpang di sebelah kiri dan membelok ke kanan tanpa berhenti. Plaintif juga mengatakan bahawa beliau tidak sempat mengelak kerana teksi defendan tiba-tiba melintasi laluannya.

[18] Keterangan plaintif disokong oleh keterangan pegawai penyiasat dan rajah kasar di mana pegawai penyiasat menyatakan teksi perlu berhenti di garisan tanda berhenti sebelum keluar simpang. Gambar (di ms 157 rekod rayuan) pula menunjukkan teksi berada dalam keadaan menyerong dan melepasi garisan tanda berhenti.

[19] Mengikut keterangan plaintif dan pegawai penyiasat juga, bahagian depan kanan (*mudguard*) teksi terlanggar bahagian depan sisi kiri motosikal.

[20] Defendan pertama tidak membuat laporan polis sehingga beliau menerima surat daripada pihak polis meminta beliau membawa teksi ke balai untuk diperiksa. Ketika teksi dibawa ke balai untuk diperiksa pada 11 Februari 2009 iaitu lebih sebulan selepas kejadian, SP1 mendapati *bumper* dan *mudguard* depan teksi kelihatan baru ditukar.

[21] Defendan pertama ('SD1') bersetuju bahawa ketika teksi dibawa untuk diperiksa pada 11 Februari 2009 beliau telah mengecat bonet dan menukar *bumper* dan ketika berjumpa SP1, ia masih baru. Namun ketika ditanya oleh SP1, SD1 tidak dapat memberi penjelasan kenapa dia menukar *bumper* dan *mudguard* depan kanan.

[22] SD1 menyatakan tidak berlaku perlanggaran antara motosikal WML 8709 dan teksi HWC 8175. Keterangan SD1 ialah bahawa pada masa material beliau dalam perjalanan pulang ke rumah dan ketika sampai di tempat kejadian, beliau nampak orang ramai berkumpul di tempat kejadian dan salah seorang dari pada mereka meminta beliau menghantar plaintif ke hospital.

[23] SD1 bagaimanapun tidak menafikan beliau keluar daripada simpang. SD1 bersetuju plaintif berada di laluan utama (lihat ms 60–61 rekod rayuan) dan SD1 juga bersetuju bahawa jika beliau berhenti, kemalangan tidak akan berlaku.

[24] Meneliti keseluruhan keterangan saya berpendapat versi plaintif adalah lebih berkemungkinan iaitu telah berlaku kemalangan apabila teksi yang dipandu oleh SD1 gagal berhenti di simpang dan memasuki laluan plaintif. Pembelaan yang diplid oleh defendan-defendan bahawa plaintif telah dengan sendiri terjatuh daripada motosikal adalah tidak berasas kerana jika benar keterangan SD1 bahawa beliau tidak melangggar plaintif dan hanya terlibat menghantar plaintif ke hospital, bagaimana SD1 tahu bahawa plaintif terjatuh daripada motosikal dengan sendirinya apabila SD1 tidak menyaksikan kemalangan itu?

[25] Kemalangan ini melibatkan jalan utama dan jalan simpang. Nas-nas menunjukkan bahawa kenderaan yang keluar daripada simpang atau *side road* adalah bertanggungan 100% (lihat kes *A Perianayagam & Anor v Yeo Suan Tin & Anor* [1984] 1 MLJ 214; *Lew Voon Kong & Anor v Mustaffa bin Kamis* [1978] 1 MLJ 217; *Kek Kee Leng v Teresa Bong Nguk Chin & Anor* [1978] 1 MLJ 61).

[26] Berdasarkan yang tersebut di atas, saya dapati defendan bertanggungan 100% terhadap plaintif. Rayuan plaintif atas isu liabiliti adalah dibenarkan dengan kos.

Rayuan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor